

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
27 March 2016

PM turut lancar bas sekolah khusus untuk anak tentera di 76 kem

Kebajikan warga ATM terbela

Oleh MD. AZRIN ROSLY
pengarang@utusan.com.my

■ SIBU 26 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan, kerajaan akan terus memastikan kebajikan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terbela.

Perdana Menteri berkata, perkara itu bukanlah ungkapan retorik politik sahaja sebaliknya telah dan akan diterjemahkan dalam bentuk dasar serta program yang boleh meningkatkan kebajikan anggota tentera.

"Sebab saya percaya kalau kita nak bersemangat pertahankan negara, kerajaan mesti pastikan kebajikan saudara-saudari, keluarga semua sekali terbela.

"Ini bukan cakap politik, ini kita telah laksanakan dan buktikan. Bukan kerana saya jumpa anda baru bercakap ini, sudah buat pun dan Insya-Allah kita akan terus tambah lagi untuk kebajikan anggota-anggota," katanya.

Perdana Menteri berucap dalam perjumpaan Segulau Sejalai Enggau bersama kira-kira 1,600 anggota dan pegawai ATM di Dewan Sri Oya, Kem Oya hari ini.

Mengulas lanjut, Najib berkata, beliau sebelum ini menjadi Menteri Pertahanan selama 14 tahun dengan mengutamakan kebajikan dan usaha itu ini disambung Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Dalam pada itu, beliau turut melancarkan perkhidmatan bas sekolah ATM untuk anak tentera

melibatkan sebanyak 176 buah bas di seluruh negara.

Jelasnya, inisiatif itu akan memberi manfaat kepada 11,275 anak anggota ATM dengan perlindungan insurans merangkumi 76 kem.

"Saya beri kelulusan untuk biayai bas-bas ini supaya tidak ada seorang anak-anak tentera naik trak tiga tan pergi ke sekolah lagi dan selepas ini saya sendiri akan cuba menaik bas itu di sini," ujarnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi menambah prasarana dan kemudahan di Sekolah Kebangsaan Batu 15, Kem Oya seperti diminta oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Waktu Solat		KUALA LUMPUR		PULAU PINANG		KUANTAN		JOHOR BAHRU		KUCHING	
dan kawasan sekitarnya		dan kawasan sekitarnya		dan kawasan sekitarnya		dan kawasan sekitarnya		dan kawasan sekitarnya		dan kawasan sekitarnya	
6.00	7.14	1.22	4.23	7.25	8.33	6.04	7.18	1.26	4.31	7.30	8.39
5.54	7.10	1.16	4.17	7.19	8.28	5.52	7.07	1.13	4.13	7.16	8.24
5.27	6.42	12.48	3.48	6.51	7.59						